

# ICT: Dr M arah sasaran 8 golongan

BH 24 APR 2002

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan setiap segmen masyarakat tidak dipinggirkan dalam era revolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), berkata program khusus perlu dilaksana untuk lapan golongan sasaran bagi mengurangkan jurang penguasaan teknologi berkenaan.

Kumpulan terbabit ialah masyarakat luar bandar, golongan miskin dalam bandar, Bumiputera di Sarawak dan Sabah, kumpulan kurang upaya, warga tua, wanita, belia serta pihak yang terbabit dalam industri kecil dan sederhana (IKS).

Perdana Menteri berkata, masyarakat keseluruhannya juga perlu tahu mengenai IT dan belajar seberapa banyak bahasa yang boleh, bukan setakat untuk mencapai Internet, malah menggunakan maklumat yang diperolehi dengan baik.

Perkara itu dinyatakan oleh beliau ketika mempenyeru Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) di bilik persidangan pejabat Perdana Menteri di sini, petang ini.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan 30 ahli NITC yang terdiri daripada menteri Kabinet, wakil jabatan kerajaan dan sektor swasta dan institusi pengajian tinggi tempatan.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat lebih dua jam itu, jurucakap NITC, Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, berkata Dr Mahathir sendiri mahukan semua ahli NITC menggerakkan inisiatif untuk mengurangkan jurang digital.

Beliau yang juga Profesor Pendidikan Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, Perdana Menteri menekankan mengenai keupayaan negara dalam dunia ICT

"Malaysia sebenarnya

bukan sebuah negara mundur dalam ICT dan kita sudah memulakan banyak inisiatif. Kalau kita bergerak bersama, kita boleh pergi jauh lagi.

Perdana Menteri (di mesyuarat itu) berkata Malaysia ada potensi untuk jadi pemimpin dalam banyak hal berkaitan IT. Umumnya, kita yang pertama buat kad pengenalan elektronik (Mykad) sedangkan negara lain baru nak mula dan sesetengahnya tidak ada.

"Tetapi sekarang, selepas peristiwa 11 September (serangan terhadap Amerika Syarikat), semua orang nak buat kad pengenalan (elektronik) dan mereka lihat pada Malaysia sebagai contoh. Jadi banyak potensi untuk kita jadi pemimpin dalam hal ini," katanya.

Mengenai hasil mesyuarat itu, Dr Sharifah Hapsah, berkata NITC dan Unit Perancangan Ekonomi (FPU) di Jabatan Perdana Menteri akan menggubal satu kerangka bagi mengurang-

kan jurang digital di kalangan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

Katanya, sasaran adalah lapan kumpulan terbabit dengan NITC dan EPU akan menjadi perintis dalam membina satu kerangka supaya semua boleh beroperasi dalamnya.

Beliau berkata, ahli NITC berpendapat masyarakat berpotensi untuk terbahagi kepada dua iaitu me-

reka yang berpeluang mencapai kemudahan ICT serta Internet, dan yang kurang mendapat capaian berikutan kurangnya peluang mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.

Katanya, Dr Mahathir sendiri mahukan masalah itu ditangani dengan sebaik mungkin ke arah mewujudkan masyarakat berilmu serta sejajar dengan

hasrat menjadikan pembelajaran seumur hidup bagi rakyat negara ini.

Beliau berkata sebelum ini memang ada inisiatif dijalankan bagi mengurangkan jurang digital tetapi tidak ada mekanisme untuk menyelaraskan semua inisiatif itu. "Jadi EPU akan memastikan supaya teratur (usaha-usaha kurangkan jurang digital) dan tiada pertindihan. Selain itu,

penekanan juga akan diberikan bagi memastikan maklumat yang didapati daripada kemahiran ICT digunakan oleh masyarakat secara berfaedah bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan di samping menyumbang kepada pembangunan negara.

Dr Sharifah Hapsah berkata, selain jurang digital itu, satu lagi inisiatif yang diluluskan pada mesyuarat

berkenaan ialah memperkasakan masyarakat IKS dengan sistem mesej untuk mengintegrasikan IKS melalui satu rangkaian global.

Katanya, ini bagi membolehkan mereka membeli barang elektronik buat Malaysia kepada satu rangkaian global supaya golongan yang terbabit dalam IKS tidak terpinggir dalam revolusi ICT.